

DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR



Sebagai salah sebuah syarikat yang terkemuka di Malaysia yang berhasrat untuk menjadi antara konglomerat perniagaan asas tanu yang terbaik di dunia, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) komited untuk menyampaikan nilai kepada pemegang kepentingan kami dengan beroperasi secara mampan dan bertanggung-jawab.

Ini termasuk mengadakan tempatkerja yang selamat dan sihat serta memelihara alam sekitar untuk mengimbangi objektif perniagaan dengan kepentingan alam sekitar. Sejajar dengan hasrat ini, FGV bertekad untuk:

- mematuhi semua undang-undang dan peraturan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) yang relevan serta lain-lain keperluan
- mengurus risiko HSE dan memperuntukkan sumber yang berpatutan untuk menghapuskan insiden, kemalangan, keracunan pekerjaan dan kesan kepada alam sekitar serta mencegah pencemaran dan penyakit pekerjaan
- menanamkan kesedaran HSE di kalangan kakitangan dan pihak-pihak yang berkepentingan serta menyemai budaya yang berorientasikan HSE
- menyarankan pelanggan, rakan-rakan perniagaan serta pihak ketiga seperti pembekal barang dan perkhidmatan untuk menyokong objektif-objektif dan program-program HSE; dan
- mengadakan langkah-langkah pemberian yang berterusan untuk meningkatkan prestasi sistem pengurusan HSE FGV sejajar dengan amalan terbaik sedunia.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Zakaria Arshad".

Dato' Zakaria Arshad
Presiden Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif

15 Oktober, 2016